

07 NOV 2003

S'PURA-ZETI/I

ZETI KATA PERUBAHAN LICIN URUSKAN EKONOMI M'SIA

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 7 Nov (Bernama) -- Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkayakinan perubahan licin dalam menguruskan ekonomi Malaysia di bawah Perdana Menteri yang baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Pertukaran kepimpinan akan menghasilkan cara pengurusan berlainan tetapi kami berkeyakinan tinggi bahawa akan berlaku perubahan licin dalam menguruskan ekonomi Malaysia," katanya ketika menjawab seolan di Sidang Kemuncak Asia Pasifik Morgan Stanley di sini hari ini.

Katanya, matlamat dasar ekonomi negara ini akan kekal sama di bawah perdana menteri baru.

"Kami adalah sebahagian pasukan itu," katanya.

Abdullah, 63, mengambil alih sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, yang bersara selepas 22 tahun di tampuk pemerintahan.

Zeti ditanya sama ada Malaysia mempunyai rancangan untuk mengkaji semula dasar penambatan ringgit ke dollar AS walaupun berlaku tekanan baru-baru ini ekoran dollar AS yang semakin lemah berbanding mata wang utama dan penurunan nilai yuan China.

"Kami akan hanya mengkaji semula jika berlaku perubahan struktural asas signifikan di rantau ini," katanya.

Dollar baru-baru ini turun nilainya berbanding yen dan mata wang utama lain termasuk euro dan pound sterling.

Banyak negara, khususnya AS, Jepun dan negara-negara Eropah, mulai tahun lepas menekan China untuk menilai semula yuan.

Mereka percaya bahawa regim kadar pertukaran China membawa kepada ketidakadilan perdagangan antarabangsa dan ia membolehkan China melambatkan produknya pada harga murah, sekaligus menyebabkan defisit perdagangan dan deflasi di negara masing-masing.

Ketika berucap sebelum itu, Zeti berkata, dengan membenarkan mata wang Asia Timur meningkat untuk menyelesaikan masalah ketidakseimbangan perdagangan global, seperti yang dicadangkan ekonomi kaya dunia, tidak akan berjaya.

"Pandangan kami ialah adalah mustahil bahawa satu pelarasan dalam mata wang serantau akan menyumbang kepada pembetulan ketidakseimbangan itu," kata gabenor bank pusat itu.

Ini akan hanya berlaku jika pemacu dominan kadar pertukaran adalah aliran perdagangan dan bukan aliran kewangan, katanya.

Peningkatan mata wang serantau, katanya, perlulah sangat besar untuk membetulkan isu persaingan yang memerlukan lebih pelarasan asas dan struktural.

Zeti memberi amaran terhadap langkah menaikkan kadar faedah yang belum masanya di Asia dan di tempat lain, sambil menyatakan ini akan memberi kesan kepada pemulihan ekonomi global.

"Nampaknya kadar (faedah) telah sampai ke dasarnya di banyak ekonomi dan perbincangan mulai beralih kepada keperluan menaikkan faedah di masa hadapan," kata Zeti.

"Pada peringkat ini, kenaikan kadar faedah yang belum masanya ketika inflasi rendah, ketika pengangguran masih tinggi dan ketika ada lebihan keupayaan akan memberi implikasi kepada momentum pertumbuhan pada negara-negara yang sedang dilakukan perubahan kewangan," katanya.

Zeti juga memberi amaran kenaikan kadar faedah di Asia Timur akan

merosakkan potensi pertumbuhan perbelanjaan pengguna, yang merupakan penyumbang utama kepada ekonomi rantau ini di mana kenaikan standard kehidupan menghalakan kepada pertumbuhan kelas menengah yang mempunyai kuasa membelanjakan yang tinggi.

"Perluasan perbelanjaan pengguna di Asia Timur berpotensi untuk naik lagi," katanya. -- BERNAMA

SS KTC AHM